

25 SEP 1998

Mahathir- Ekonomi/I

LANGKAH TAMBAHAN UNTUK MEMPERKUKUHKAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah tambahan untuk meletakkan ekonomi negara pada kedudukan yang lebih kukuh, walaupun tanda-tanda pemulihan telahpun kelihatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Walaupun beliau enggan menyatakan apakah langkah-langkah tersebut, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata ekonomi semakin pulih dan perniagaan tidak lagi menghadapi tekanan.

"Eksport telah melebihi RM26 bilion dan kita telahpun berjaya mengurangkan import dan ini meletakkan kita pada kedudukan lebih imbalan pembayaran," katanya.

Menurut beliau, negara sekarang mempunyai rizab pertukaran asing yang mencukupi bagi membayar hutang-hutang luarnya.

"Keadaan sekarang stabil, terutama dengan ringgit ditetapkan pada kadar RM3.80 (berbanding dolar Amerika), dan penurunan kadar faedah," katanya pada pembukaan Pameran dan Persidangan Francais Malaysia.

Dr Mahathir yang juga penaung Persatuan Francais Malaysia, berkata tiada lagi kegawatan ekonomi ataupun ketidakpastian di negara ini.

Dalam suasana sedemikian, beliau menyeru masyarakat perniagaan membuat perancangan perniagaan masing-masing.

Dr Mahathir berkata kegawatan kewangan telahpun berkurangan kepada tahap yang lebih mudah diurus, beliau mengaitkan kejayaan menangani kegawatan ekonomi kepada langkah-langkah kawalan modal yang diambil awal bulan ini.

"Mudah tunai dalam sistem perbankan telah meningkat dan sebahagian masalahnya telah diatasi, berikutan kembalinya dana-dana ringgit dari luar negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak memencilkan diri, seperti yang disalah anggap oleh beberapa pihak, berikutan kawalan tukaran matawang yang dilaksanakan pada 1 Sept lepas, tetapi "kita menguruskan ekonomi bagi faedah kita".

"Kita tidak membenarkan orang lain menguruskan kita, kerana ini akan membinasakan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah menetapkan nilai ringgit adalah untuk mengelakkan kemudahrupan dan kegawatan kewangan.

Walaupun ringgit diniagakan pada RM2.50 bagi setiap dolar Amerika sebelum krisis matawang, "kita tidak boleh menetapkan kadar pada nilai yang sama, seperti sebelum kegawatan kerana jika kita berbuat demikian, kosnya tinggi dan kita tidak akan berupaya bersaing dengan matawang-matawang serantau yang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah bertepatan bagi Malaysia menetapkan nilai ringgit pada kadar RM3.80 (berbanding dolar Amerika) kerana "ia tidak begitu tinggi dan kita boleh bersaing dengan matawang-matawang serantau yang nilainya juga telah jatuh."

Yang penting, spekulator luar negara tidak boleh memperniagakan ringgit dan menyebabkan kemudahrupan matawang itu.

Dengan penetapan kadar itu, kerajaan boleh menurunkan kadar faedah kepada 8.0 peratus, dan ini membolehkan ahli-ahli perniagaan mendapatkan pinjaman dengan mudah.

Dr Mahathir menyatakan kadar inflasi adalah tetap dan ini telah menyumbang ke arah kestabilan, dan pasaran saham juga telah pulih, walaupun tidak sekukuh dahulu.

-- BERNAMA  
AA KY MA RI